



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Portal : www.kpkt.gov.my
Emel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.44 (12)
Tarikh : 11 November 2014

SIARAN MEDIA

SOCIAL URBANISM: DEVELOPING AN EQUITABLE CITY

Kuala Lumpur, 11 November 2014 – Bertemakan *Social Urbanism: Developing An Equitable City* Sambutan Hari Perancangan Bandar dan Habitat Sedunia 2014 dirasmikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini.

2. Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia ini diadakan bersempena memperingati sumbangan dan peranan Perancang Bandar yang telah ditetapkan pada setiap 8 November setiap tahun. Manakala Hari Habitat Sedunia merupakan program di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dikendalikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang disambut pada Isnin Pertama Bulan Oktober yang jatuh pada 6 Oktober 2014 yang lalu. Memandangkan kedua-dua program ini merupakan saling berkait rapat, maka pengurusan KPKT telah memutuskan supaya kedua-duanya disambut secara serentak.

3. Konsep *social urbanism* harus diberi penekanan secara meluas dan diintegrasikan di dalam perancangan fizikal bandar di mana akhirnya perpaduan sosial yang menjadi matlamat akhir kepada pembangunan bandar dapat dihasilkan. Bandar-bandar di negara ini terus menjadi tumpuan migrasi penduduk kerana pertumbuhan ekonominya.

4. Ini secara tidak langsung telah mewujudkan masalah dan isu kemiskinan bandar atau

boleh juga kita panggil sebagai golongan terpinggir seperti golongan miskin, golongan yang tidak mampu memiliki rumah sendiri, golongan warga emas, golongan gelandangan, golongan yang sukar mendapatkan kemudahan awam dan asas, golongan yang terhad dalam akses mendapat kemudahan pengangkutan awam dan sebagainya.

5. Keadaan ini mewujudkan jurang pemisah dalam menikmati pembangunan Negara dan juga menimbulkan ketidakpuasan hati terhadap peranan pihak berkuasa tempatan dan pemerintah dalam membangunkan bandar yang sejahtera.

6. Social urbanism mengandungi lima elemen utama iaitu :

Pertama: Kesaksamaan Pembangunan di mana setiap golongan masyarakat bandar perlu menikmati kesaksamaan dan keseimbangan bergantung kepada keperluan dan juga yang bersesuaian dengan kemampuan sumberjaya.

Kedua: Pembangunan Mampan yang mana ianya memenuhi keperluan generasi masa kini dan akan datang.

Ketiga: *Transformative Change*: yang memerlukan pemikiran yang kreatif dan dinamik dari semua golongan sama ada pemimpin masyarakat, aktivis yang berpengalaman dan lain-lainnya untuk mencapai proses perkembangan bandar yang mampan. Di dalam hal ini juga, pihak Perancang Bandar dan Desa, pentadbir pihak berkuasa tempatan dan pengurus Bandar juga memerlukan perubahan paradigma.

Keempat: Mengutamakan Masyarakat yang boleh diibaratkan sebagai *software*

kepada penggerak pertumbuhan bandar dan menjadi nadi kepada perkembangan bandar yang lebih *vibrant* dan dinamik.

Kelima: Pendekatan Penyertaan dan Perundingan dalam Masyarakat di mana di dalam merancang elemen-elemen bandar atau penyelesaian masalah bandar, kita seharusnya seharusnya mengambil kira pendapat atau keperluan golongan setempat kerana mereka yang akan menerima kesan langsung pembangunan yang hendak dilaksanakan.

7. Berkaitan dengan pendekatan SOCIAL URBANISM: DEVELOPING AN EQUITABLE CITY, satu lagi sambutan yang serentak pada hari ini iaitu Sambutan Hari Habitat Sedunia 2014 bertemakan *Voices From The Slum*

8. Setiap tahun, Hari Habitat Sedunia menggunakan tema baru yang dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berdasarkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan Agenda Habitat. Tema-tema yang dipilih adalah untuk menggalakkan dasar pembangunan mampan serta untuk mempromosikan isu tumpuan UN-HABITAT seperti: perumahan inklusif dan perkhidmatan sosial; persekitaran yang selamat dan sihat untuk semua dengan pertimbangan khusus untuk kanak-kanak, belia, wanita, warga tua dan orang kurang upaya; pengangkutan, perlindungan, dan pemulihian ruang bandar hijau; air minuman yang selamat dan bersih serta sanitasi; kualiti udara yang sihat; mewujudkan peluang pekerjaan; perancangan bandar yang baik dan menaik taraf setinggan; dan pengurusan sisa yang lebih baik.

9. Pada tahun ini, Sambutan Hari Habitat Sedunia jatuh pada 6 Oktober 2014 yang lalu dengan bertemakan “*Voices From Slums*” atau “Suara-suara daripada Kawasan Miskin”. Matlamatnya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai keadaan di beberapa tempat di dunia ini yang berkepadatan tinggi, dengan perumahan yang tidak mencukupi, tiada kemudahan bekalan air bersih dan kemudahan sanitasi. Ia juga melibatkan keadaan dimana

tiadanya perkhidmatan pengangkutan awam dan tidak mempunyai akses untuk perkhidmatan kecemasan.

10. Dunia telah berikrar untuk memperbaiki kehidupan 100 juta penduduk setinggan menjelang tahun 2020 sebagai sebahagian daripada *Millenium Development Goals (Matlamat Pembangunan Millenium)*. Kadar urbanisasi semakin meningkat dengan bertambahnya bilangan manusia yang dilahirkan dalam atau yang telah berpindah ke kawasan-kawasan ini yang menyebabkan jumlah keseluruhan penduduk yang tinggal di kawasan miskin terus meningkat.

11. Pada 2016, UN-HABITAT akan menjadi tuan rumah Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perumahan dan Pembangunan Bandar Mampan iaitu Habitat III dan ini akan menetapkan satu agenda bandar yang baru. Semua penduduk mempunyai hak untuk perumahan yang mencukupi dan akses kepada perkhidmatan asas dan kita perlu memastikan bahawa bandar-bandar dirancang secara bersesuaian untuk menyediakan semua kemudahan ini.

12. Kajian oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) mendapati bahawa terdapat peningkatan golongan yang terpinggir di Negara-negara membangun. Di Negara ini, pendekatan Kerajaan membasmikan setinggan bolehlah dianggap telah berjaya melihatkan hasil yang memberansangkan khususnya di bandar-bandar besar seperti di Lembah Kelang, Georgetown dan Johor Bahru.

13. Penyelesaian masalah golongan terpinggir ini tidak hanya boleh dilihat dari penyelesaian perancangan dan pembangunan fizikal, tetapi elemen *social urbanism* iaitu Pendekatan Penyertaan Dalam Masyarakat merupakan salah satu teras di dalam perlu diterapkankan oleh UN-Habitat dalam mempromosikan Negara-negara Anggota PBB bahawa semua berhak mempunyai tempat tinggal yang selesa dan selamat untuk didiami serta dilengkapi kemudahan asas. Oleh yang sedemikian, tema ‘Voices From Slums’ Hari Habitat Sedunia 2014 perlu difahami dalam konteks Negara ini dalam mempertingkatkan

taraf kehidupan golongan terpinggir ini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my